

## **Menjana Pembangunan Model Insan Yang Cemerlang Berlandaskan MIB**

**Hajah Saadiah binti Datu Derma Wijaya Haji Tamit**

*Akademi Pengajian Brunei  
Universiti Brunei Darussalam*

### **Pendahuluan**

Keperluan dan kepentingan untuk mewujudkan modal insan yang berkualiti amat diutamakan bagi sesebuah negara. Namun apa yang membezakan di antara negara-negara ialah tentang penekanan terhadap aspek pembangunan. Ada negara yang telah maju menekankan pembangunan dari aspek fizikal dan melupakan aspek spiritual. Ada yang telah membangun dari segi rohani tetapi soal pembangunan jasmani kurang dititik beratkan. Namun bagi negara-negara Islam secara umumnya amat menekankan keseimbangan di antara kedua-duanya.

Justeru itu semua negara mengatur dan menyusun program yang rapi dan terarah ke arah mewujudkan masyarakat atau rakyat yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara dengan mengurangkan ketergantungan kepada masyarakat luar.

Kertas ini akan membincangkan terlebih dahulu mengenai konsep pembangunan modal insan secara umum sebelum membawa satu modal pembangunan insan yang cemerlang menurut perspektif Brunei yang berlandaskan MIB. Peranan institusi-institusi swasta dan kerajaan sebagai agensi dan pemangkin pembangunan modal insan yang cemerlang juga akan disentuh untuk dijadikan bahan pemikiran bersama.

### **Konsep Pembangunan**

Pembangunan secara umumnya dalam Islam ialah suatu proses untuk memakmurkan kehidupan dalam semua aspek, keperluan dan sistem bertepatan dengan kehendak Allah s.w.t dan Rasul-Nya. Ini bermakna pembangunan dalam Islam menghendaki manusia membangunkan seluruh sistem kehidupannya berasaskan kehendak dan peraturan agama termasuk sistem sosial, kesenian, politik dan ekonomi. (Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Md. Yusoff, 2003)

Pembangunan dalam Islam dilaksanakan untuk membentuk sesebuah kehidupan masyarakat yang mempunyai akidah yang sejahtera, kecukupan keperluan kehidupan berasaskan cara yang halal dan baik serta kehidupan yang harmoni dan sejahtera dengan mendapat keredaan Allah

s.w.t di dunia dan di akhirat, iaitu kehidupan yang dipenuhi oleh keimanan dan ketakwaan serta pengabdian diri kepada Allah s.w.t dan ajaran-Nya, kehidupan yang berteraskan keadilan, akhlak, seimbang dan sederhana serta kehidupan yang selamat, sihat dan bermaruah. (Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Md. Yusoff, 2003)

Pembangunan model insan ialah sesuatu yang ingin dibentuk berdasarkan kepada calak yang sudah ditentukan. Pembangunan tersebut merupakan proses yang berterusan. Manusia merupakan fokus utama dalam konteks keseluruhan pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Manusia sebagai agen kepada sebarang bentuk pembangunan yang menjadi perancang dan pelaksana sesuatu bentuk pembangunan. Mereka ini terdiri daripada ahli politik, pentadbir dan kakitangan awam, pengusaha dan ahli perniagaan, para profesional dan pihak lain yang masing-masing mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri dalam keseluruhan proses pembangunan. Manusia juga sebagai penerima kesan daripada setiap proses pembangunan, sama ada kesan yang baik atau yang negatif. Di samping kesannya kepada kehidupan manusia, alam sekitar juga menerima setiap implikasi aktiviti pembangunan yang dijalankan oleh manusia.

Kepentingan pembangunan yang dimaksudkan di sini bertujuan untuk melihat kemajuan ummah dan bukan hanya untuk kepentingan individu. Perkara ini telah ditegaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkuiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda pada 15 Julai 1996.

*“Sebagaimana dunia berkembang maju dan sebagaimana tamadun manusia dianggap meningkat ke tempat yang lebih tinggi, banyak kehancuran nampaknya dilakukan oleh unsur-unsur yang anti-tamadun dan anti-Tuhan. Kemajuan seperti ini bukanlah sebenarnya yang kita kehendaki, sebab pembangunan mesti juga bermakna peningkatan nilai moral manusia, bukan keruntuhannya”.*

Pembangunan fizikal insan cemerlang menekankan kepada pertumbuhan dan perkembangan jasmani yang sihat. Untuk melahirkan insan yang mempunyai pertumbuhan tubuh badan yang sihat memerlukan persekitaran yang kondusif yang meliputi udara, alam sekeliling (inverioement), permakanan dan pasarana yang menggalakkan. Dalam sistem pendidikan latihan jasmani diberikan penekanan yang serius yang menjadikan kegiatan jasmani yang tersusun mengikut jadual yang ditetapkan. Pasarana untuk perkembangan fizikal dibina di seluruh negara dengan kemudahan-mudahan terkini boleh digunakan oleh rakyat



dengan percuma (dewan permainan, padang, gelanggang sukan, kolam renang dan sebagainya). Aktiviti riadah dan sukan sentiasa dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk mewujudkan insan cemerlang dari segi ketahanan kesihatan dan fizikal.

### **Konsep Kecemerlangan**

Syeikh Muhammad Qutb mengatakan bahawa dimensi pembangunan insan adalah menjurus kepada pembangunan kerohanian. Tujuan pembangunan kerohanian di peringkat individu adalah untuk menyerlahkan segala potensi kebaikan yang ada pada seseorang manusia berasaskan kehendak Penciptanya sesuai dengan bentuk ciptaan-Nya yang terbaik berbanding dengan makhluk lain.

Pembangunan, tidak kira apa jenis pembangunan, harus menekankan matlamat akhirnya ialah kepada menuju kesejahteraan dan keredaan Allah. Untuk mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat dan keredaan Allah, maka tentu sekali pembangunan itu harus mengikut lunas-lunas yang telah ditentukan oleh Allah.

Justeru itu dalam konteks pembangunan negara pembangunan haruslah menyeimbangkan antara kepentingan dunia dan akhirat iaitu yang membolehkan rakyat di dalamnya memajukan diri selaras dengan perkembangan dunia namun tetap masih mengekalkan keimanan kepada Allah.

### **MIB Sebagai Pembangunan Insan Cemerlang**

Sebelum kedatangan Islam, Brunei merupakan salah sebuah pusat tamadun Melayu di rantau ini yang mempunyai nilai dan norma budaya yang cukup tinggi seperti yang diterjemahkan dalam cara hidup dan material budaya masyarakatnya. Pada abad ke-10 Masehi melalui pengembang-pengembang agama Islam dan saudagar-saudagar Arab. Islam mula memberikan corak baru kepada cara hidup masyarakat Brunei sehingga Brunei menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja mulai tahun 1363 Masehi, apabila rajanya memeluk Islam. (Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri bin Awang Haji Omar, 1989) Mula daripada abad ke-14 Brunei telah ditadbir oleh raja yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Situasi yang sedemikian telah membolehkan konsep Melayu, Islam dan Beraja tumbuh subur, dihayati dan dijadikan dasar negara sehingga ke hari ini.

Konsep Melayu Islam Beraja memang sudah lama wujud dan dihayati oleh masyarakat Brunei. Justeru itu ia wajar diangkat sebagai falsafah negara atau dasar dan hala tuju negara. Penghayatan falsafah ini bukanlah sesuatu yang dipaksakan atau yang dijadikan wadah politik yang sementara sifatnya. Tetapi oleh sebab rupa bentuk masyarakat ini bersifat homogen, iaitu kesepunyaan dalam rasa kebangsaan, kepercayaan



beragama, adat istiadat dan ketuanan raja, maka falsafah tersebut bukanlah sesuatu yang asing dalam kehidupan mereka. Malah, ia merupakan suatu warisan yang dimiliki sejak turun temurun. Dengan berpegang kepada falsafah sedemikianlah rupa, bangsa Brunei dapat bertahan dan *survive* hingga ke hari ini (Prof. Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid, 2003). Walau bagaimanapun, sebagai falsafah negara, Melayu Islam Beraja hanya telah diwujudkan secara rasminya pada 1 haribulan Januari 1984, seperti yang telah dititahkan dalam titah pemasyhuran kemerdekaan 1984 yang antara lain telah menegaskan bahawa:

*”...Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata’ala untuk selamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka...”*

Melayu Islam Beraja (MIB) mempunyai landasan legal untuk diterima pakai di Brunei sebagai falsafah negara. Perlembagaan Negeri Brunei 1959 yang merupakan dasar bagi perundangan Brunei secara rasmi telah meletakkan dan mengangkat kedudukan Melayu, Islam dan Beraja pada tempat yang tinggi. Perlembagaan telah memaktubkan bahawa agama Islam Ahlussunnah Waljamaah Mazhab Shafiee adalah agama rasmi negara [Perlembagaan Bab 3 (1)], Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, [Perlembagaan Bab 82 (1)], KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai kuasa memerintah yang tertinggi [Perlembagaan Bab 4 (1) dan sebagai ketua agama negara [Perlembagaan Bab 3 (2)].

Falsafah Melayu Islam Beraja mempunyai tiga unsur/komponen yang penting dan integral di Brunei iaitu pertama, komponen Melayu yang memperakui hak orang Melayu adalah yang terdiri daripada tujuh puak jati bangsa Melayu (Brunei, Kedayan, Tutong, Belait, Dusun, Bisaya dan Murut), berhasrat memartabatkan nilai-nilai luhur kebudayaan Melayu yang dinamik dan dominan menjadi sandaran kehidupan beraja, berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara. Kedua unsur Islamnya pula menekankan bahawa Islam adalah agama rasmi negara menurut akidah Ahlussunnah Wal-Jemaah bermazhab Shafie yang mesti dihayati sebagai cara hidup yang lengkap, sempurna dan unggul. Manakala unsur ketiga, ialah beraja, yang melegitimasi pemerintahan beraja atau sultan sebagai pemimpin dan penaung kepada rakyat dan juga memegang amanah Allah bagi menjalankan kuasa tertinggi pemerintahan negara.

MIB sebagai cara hidup (*way of life*) kebruneian, didefinisikan sebagai perihalan, keadaan dan sifat hidup yang konsisten dalam sistem



etika, politik, sosial, ekonomi dan moral yang berinti dan berteraskan Islam, dipandu oleh iman, dan memancarkan nilai, adat dan akhlak Melayu yang terpuji serta kasih dan taat kepada Raja. Oleh kerana MIB sendiri berintikan Islam, asas cara hidup kebruneian adalah iman dan tauhid. Dengan demikian, MIB sebagai cara hidup kebruneian adalah tata cara melaksanakan ibadat dalam menempuh kehidupan sementara di dunia yang fana ini menurut prinsip Islam dengan corak yang beradat Melayu, beradab dan bercirikan Melayu yang kasih dan taat kepada Raja, dengan tujuan mencapai keredhaan Allah s.w.t. (Dr Hj Mohammad Nazir, 1989)

MIB sebagai cara hidup kebruneian ingin membawa manusia kepada hidup yang diredai Allah dan benar-benar memperlihatkan ciri-ciri Melayu yang berintikan tauhid dan iman serta taat kepada Raja. Cara hidup kebruneian haruslah benar-benar memperlihatkan unsur-unsur mulia, sikap hidup sederhana, akhlak yang terpuji, adat yang tidak bercanggah dengan syarak, dan ibadat yang dipandu oleh iman serta taat kepada Raja.

Dalam model pembangunan insan cemerlang yang berlandaskan MIB maka calak Brunei iaitu nilai-nilai yang wujud dalam Melayu, Islam dan kepimpinan Beraja merupakan kriteria penentu yang utama. Nilai-nilai Melayu yang positif seperti nilai kekeluargaan, nilai bertimbang rasa, nilai menghormati orang tua, nilai menuakan orang tua, ingin melihat sesuatu kemajuan yang tidak bertentangan dengan agama, menghormati adat, nilai cecal, mempunyai keterampilan sebagai orang Melayu yang berakhlak Islam, berlumba-lumba untuk bersaing dalam perkara-perkara yang berkebajikan merupakan sebahagian daripada ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh seseorang insan MIB. (Prof. Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid, 2004)

Titah pemasyhuran kemerdekaan seperti yang diketengahkan sebelumnya jelas mengandungi matlamat dan rupa bentuk model insan calak Brunei yang dicita-citakan iaitu;

- Justeru matlamat negara ialah untuk mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik, bersendikan ajaran agama Islam menurut Ahli sunnah Waljamaah maka modal insan haruslah mempunyai ciri-ciri yang sanggup mempertahankan aspirasi negara tersebut.
- Justeru wawasan negara ialah sentiasa berusaha untuk memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan rakyat, dengan petunjuk dan keredaan Allah maka insan yang dibangunkan hendaklah dibekalkan dengan pengetahuan Islam yang secukupnya

dan mempunyai iman yang teguh. Insan yang seperti inilah yang boleh menjamin keselamatan dunia dan akhirat.

- Memelihara perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar hormat menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas daripada campur tangan asing memerlukan modal insan yang berpengetahuan luas dan terbuka, memiliki toleransi dan kemahiran yang tinggi dalam "hublum minan nas" di samping "hublum minal Allah".

Pembangunan insan cemerlang, sudahlah tentu berdasarkan syariat Islam, iaitu menekankan kekuatan pegangan kepada agama dan berpegang teguh kepada syariat Islam iaitu Al-Quran dan As Sunnah, berilmu dan sentiasa berusaha untuk menimba ilmu pengetahuan, berterusan menyediakan sumber tenaga manusia yang berkualiti, mempunyai sikap patriotisme, cintakan tanah air, taat beraja, menjunjung kehalusan dan ketinggian nilai-nilai budaya, sikap betul membetulkan dan baik membaiki, nasihat menasihati serta berunding dan bermuafakat (Dr. Hj Md Zain bin Hj Serudin, 2004)

### **Agen Pembangunan Modal Insan Yang Cemerlang**

Sudah menjadi kelaziman kepada orang Brunei bahawa sesuatu perkara yang telah dititahkan menjadi tanggungjawab yang perlu dijunjung tinggi dan dilaksanakan dengan sedaya upaya oleh rakyat dan penduduk. Apabila MIB diisytiharkan sebagai falsafah negara, semua lapisan rakyat bertanggungjawab untuk menjayakan MIB sebagai penjana pembangunan moden insan yang cemerlang.

Pemimpin akar umbi seperti Penghulu dan Ketua-ketua Kampung sememangnya turut berperanan penting dalam menyebarkan pengetahuan dan kefahaman MIB semata-mata untuk menimbulkan rasa kesedaran di kalangan rakyat dan penduduk sesuai dengan peranan institusi berkenaan sebagai penghubung antara kerajaan dan rakyat serta penduduk di bawah kelolaan dan pimpinan mereka. Para Penghulu dan Ketua-ketua Kampung merupakan orang-orang "tua" dalam mukim atau kampung mereka dan mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk memberikan falsafah negara dan memastikan bahawa kehidupan sosio-ekonomi masyarakat di bawah pimpinan mereka adalah selaras dengan dasar dan matlamat negara.

Dalam usaha melahirkan modal insan calak MIB, institusi-institusi pendidikan, memainkan peranan yang amat penting. Institusi-institusi ini berperanan untuk mendidik pelajar supaya cintakan bangsa dan negaranya, taat setia kepada raja dan menghayati Islam. Nilai-nilai MIB telah diajarkan secara formal seawal dari peringkat pendidikan rendah dan di



peringkat menengah pula, pelajar-pelajar didedahkan dengan lebih mendalam kepada acara-acara kenegaraan dan keagamaan umpamanya Sambutan Awal Tahun Hijrah, Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan lain-lain lagi.

Memandangkan Islam dijadikan sebagai teras kepada falsafah negara maka Islam dijadikan panduan dan prinsip utama dalam gerak laku kehidupan semua penduduk dan rakyat khususnya yang beragama Islam. Institusi Islam menjadi penggerak dan penentu kepada ketahanan dan kesinambungan fahaman amalan beragama di negara ini. Masjid-masjid, sekolah-sekolah agama, Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan lain-lain mempunyai agenda pembangunan insan yang tertentu. Walaupun kebanyakan institusi tersebut dikelolakan oleh pihak kerajaan, itu tidak bermakna bahawa partisipasi dan kebebasan di kalangan rakyat tidak wujud. Penyertaan rakyat dalam merencanakan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti penghayatan Islam tidak pernah dihalang malah digalakkan. Kewujudan Institusi Islam yang didukung oleh kerajaan sepenuhnya merupakan sesuatu yang wajar bagi melegitimasi agama Islam sebagai agama rasmi negara. Institusi Islam berperanan bagi membangun modal insan cemerlang dari perspektif duniawi dan ukhrawi.

Selain itu, institusi ulama sebagai golongan yang arif tentang agama turut memainkan peranan yang signifikan dalam pembentukan insan cemerlang kerana golongan ini pada lazimnya memiliki sahsiah dan sifat-sifat yang luhur dan mulia, jujur, bertakwa dan bersemangat tinggi untuk membangun ummah. Mereka antara lain terdiri daripada imam-imam dan guru-guru agama yang boleh menjadi ikutan dan rujukan tentang masalah agama dan kemasyarakatan. Peranan imam atau golongan orang yang arif mengenai ugama sangat berpengaruh dalam masyarakat selain menjadi imam dalam ibadah sembahyang mereka juga berperanan sebagai juru nikah dan amil. Sehubungan dengan itu mereka sangat dihormati dan berkedudukan penting dalam masyarakat dan pentadbiran negara. Mereka mempunyai tanggungjawab dalam menyebarkan agama Islam dan membantu menentukan Islam dijadikan sebagai cara falsafah negara khususnya menyebarkan agama Islam sebagai cara hidup yang lengkap oleh rakyat dan penduduk di negara ini. Di peringkat kenegaraan, institusi ulama diberi pengiktirafan oleh kerajaan dan di samping gelaran umpamanya Dato Seri Maharaja sebagai Kepala Menteri Ugama, Pehin Dato Imam, Pehin Siraja Khatib, Pehin Tuan Imam, Pehin Udana Khatib, Khatib dan Mudim yang merupakan pegawai-pegawai agama yang berstatus tinggi.

Untuk membantu menjayakan pembangunan insan cemerlang calak Brunei seseorang ulama itu hendaklah melengkap diri mereka dengan ilmu dan menjadikan al-Qur'an sebagai panduan, kerana dengan

memartabatkan ilmu para cendekiawan dan ulama dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai mana yang dituntut oleh agama dan negara. Firman Allah s.w.t. seperti berikut:

مَنْ آتَى عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْ أَنْفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ  
يَنْتَهَى وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا  
نَقَبًا لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ

Tafsirnya:

Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmat-Nya) kepada orang-orang yang beriman, selain ia mengutuskan dalam kalangan mereka rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan al-Qur'an yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajar mereka kitab Allah (al-Qur'an) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syari'at). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata". (Surah ali 'Imran: 164)

### Insan Cemerlang Dari Perspektif Brunei

Apa yang terpenting dalam usaha untuk membangun insan cemerlang ialah menanamkan semangat cinta kepada tanah air (patriotisme), bersemangat kental untuk membina dan membangun Negara Brunei Darussalam. Insan yang ideal dalam konteks ini ialah insan Brunei yang rela berkorban, bersemangat dan berkebolehan membangun negaranya tanpa mengharapkan belas kasihan dan bergantung kepada ihsan orang lain untuk membina dan membangun tanah airnya (Prof. Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid, 2004).

Modal insan yang dibangunkan oleh Brunei harus berpegang kepada landasan MIB, seimbang antara pembangunan jasmani dan rohani dan cemerlang secara duniawi dan ukhrawi, rela berkorban jiwa dan raga serta cintakan tanah air (patriotik).



## **Kesimpulan**

Usaha pembangunan insan cemerlang belum boleh dianggap sempurna jika tidak menekankan keseimbangan di antara pembangunan rohani dan jasmani. Modal pembinaan insan MIB boleh mewujudkan insan cemerlang yang seimbang dan menjadikan Islam sebagai landasan hidupnya yang utama.

Pembangunan dalam Islam bukan sahaja menekankan pembangunan material semata-mata, tetapi turut menekankan pembangunan akidah, moral dan akhlak. Semua dimensi pembangunan tersebut menjadi pra syarat kepada kehidupan yang sejahtera di dunia, lebih-lebih lagi kehidupan di akhirat nanti. Insya Allah.

## **Bibliografi**

Hashim bin Haji Abd. Hamid. *Falsafah/Konsep Melayu Islam Beraja dari Perspektif Ideologi*, Pembinaan Bangsa dan Kebudayaan di dalam Bicarawara Melayu Islam Beraja, 21 Januari – 11 Februari 2006.

Hashim bin Haji Abd. Hamid. 2003. *Islam Di Brunei Darussalam: Satu Analisis Sosio-Budaya*. Brunei Darussalam: Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.

Md Zain bin Haji Serudin, *Kertas Kerja Utama*, Seminar Kebangsaan Calak Brunei: Ke Arah Mengangkat Martabat Bangsa, 24-27 Januari 2004.

Mohd. Razali Agus dan Fashbir Noor Sidin. 2000. *Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan: Pembangunan dan Dinamika Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Saadiah Datu Derma Wijaya Haji Tamit, *Peranan dan Tanggungjawab Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam Terhadap Falsafah Negara*, Pembinaan Bangsa dan Kebudayaan di dalam Bicarawara Melayu Islam Beraja, 21 Januari – 11 Februari 2006.